

Ramadan mampu leburkan sifat 'sayangkan harta'

"SESIAPA memberikan makan orang yang berpuasa, maka baginya pahala seperti orang yang berpuasa tersebut tanpa mengurangkan pahala orang yang berpuasa itu sedikitpun jua." (riwayat Tirmizi)

Pensyarah Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nidzamuddin Zakaria menjelaskan, bahawa Nabi Muhammad SAW menawarkan pada penyumbang juadah berbuka dengan pahala berganda. Pahala pertamanya lantaran ibadat puasanya pada siang hari Ramadan itu dan pahala kedua pula daripada ganjaran pahala orang yang menerima sumbangan itu.

Bahkan katanya lagi, Maha Kayanya Allah dan agungnya limpahan kebajikannya di Ramadan ini, di mana Rasulullah SAW menjamin bahawa pahala yang Allah SWT serahkan kepada penyumbang makanan berbuka itu tidak sedikitpun menyebabkan pahala si penerima itu luak dan berkurangan.

"Hadis ini tidak menetapkan jenis dan kuantiti makanan atau nilai ringgit untuk diberikan kepada orang yang ingin berbuka itu. Pintu kebajikan begitu luas dan sedia terbuka buat sesiapa sahaja membudayakannya bagi membuka ruang dan kebebasan beramal bakti sekadar yang termampu.

"Kalau mampu beri buah kurma, silakan! Kalau mampu beri bubur lambuk, silakan! Kalau mampu beri nasi berlauk selama sebulan buat jemaah masjid atau surau, silakan! Atau kalau mampu mengeluarkan belanja untuk memberikan juadah berbuka untuk ribuan orang pun silakan! Yang pentingnya, Islam ini syariat yang memudahkan umatnya mengisi ruang-ruang kebajikan dan kebaikan.

"Kita tidaklah dituntut untuk saban hari di Ramadan nanti, menyediakan juadah berbuka buat orang yang lain. Jadi, buatlah sumbangan berbuka ikut kemampuan kita. Saya rasa, orang Islam yang pertengahan ekonominya pun, berupaya memberikan sumbangan seumpama ini. Ringkasnya, menyediakan makanan untuk orang berbuka adalah sunat yang dianjurkan Baginda Nabi SAW terutama di bulan Ramadan yang digelar penghulu segala bulan ini," katanya kepada *Mega*.

Bulan Ramadan juga dikatakan bulan kasih sayang, justeru menjelang bulan mulia yang tidak lama lagi ini, saran Nidzamuddin, barangkali kita yang mempunyai sedikit sebanyak kemewahan harta, wang ringgit atau mampu menyumbangkan perkhidmatan tertentu kepada golongan yang memerlukan,

maka inilah musimnya untuk menumpahkan pertolongan buat mereka yang memerlukan dan inilah saatnya untuk kita meraih pahala berganda daripada kerahmatan Yang Esa.

Menyentuh bantuan makanan yang diberikan ke luar sempadan negara, Nidzamuddin berkata, Allah SWT sudah menjelaskan bahawa sesungguhnya orang-orang mukmin itu bersaudara biarpun berbeza warna kulit, latar belakang bangsa atau keturunan mahupun status politik atau ekonominya.

"Justeru, sedekah itu tidaklah hanya terbatas dan terhad buat umat Islam di peringkat kampung, taman, daerah atau negeri atau negara kita sahaja, malah amalan murni ini boleh diperluaskan fungsi dan manfaatnya melepasi negara kita ke persada antarabangsa tatkala kebajikan umat Islam setempat itu telah dipenuhi dan ditunaikan dengan jayanya.

"Al-'Alamah Dr. Yusuf al-Qaradawi berpandangan bahawa sumbangan secara khusus ini lebih utama daripada menunaikan haji ke Baitullah untuk kali kedua, ketiga bahkan haji kali ke tujuh, lapan mahupun ke 10. Ini adalah kerana kalau dihitungkan secara kasar bagi operasi ibadat haji yang memerlukan kos lebih kurang RM12,000 hingga RM13,000, maka cuba kita bayangkan pula sekiranya wang sejumlah itu diberikan kepada saudara-saudara kita yang ditimpa malapetaka atau terpenjara di negara sendiri seperti di Palestin, maka bukan sekadar 10 atau 20 keluarga, bahkan beratus atau beribu keluarga dapat ditanggung dengan jumlah wang sebegitu banyak. Itu baru seorang. Kalau seratus orang bertindak sedemikian, maka tentulah kebaikan itu akan dapat dikongsi lebih ramai lagi.

"Ringkas bicara, nasib saudara-saudara kita seperti pelarian di Palestin, umat Islam di Iraq, Kemboja dan sebagainya perlu diperhatikan dan diberikan keutamaan. Jangan pula kita hanya diulit keenakan dan kelazatan juadah berbuka saban malam di bulan Ramadan, dari hotel ke hotel yang mewah, sedangkan saudara seagama kita diselimuti perit kelaparan dan sendu tangisan," ujarnya.

Semoga Ramadan ini nanti mampu meleburkan sifat kebal dan kental seseorang itu 'sayangkan harta' yang berkarat di jiwa, kepada sifat pemurah dan penyayang sesama manusia.



NIDZAMUDDIN ZAKARIA



GOLONGAN asnaf paling mendapat perhatian sepanjang Ramadan al-Mubarak. - Gambar hiasan